

menurut undang-undang negeri?

Jawab: Islam menyuruh seseorang berlaku adil kepada dirinya sendiri dan menegah untuk melakukan penipuan sama ada undang-undang agama atau negeri perkara penipuan itu adalah salah. Tentang bolehkah ia dihukum atau didakwa menurut undang-undang negeri maka itu bergantung kepada keadaan dan sebaik-baiknya saudara lihatlah pada sisi undang-undang negeri yang mudah saudara mendapatnya menerusi jabatan-jabatan kerajaan.

* * *

H. S. Ramli (Ikhwan 1720) 195 Sungai

Semambu, Bukit Mertajam bertanya: Adakah kitab al-Tauhid Karangan Kiayi Hassan bin Ahmad yang telah diharamkan oleh Mufti Kerajaan Johor dahulu dan sekarang boleh saya beramal dengan kitab ini dan adakah menjadi suatu kesalahan di dalam hukum agama?

Jawab: Sepanjang yang kami ketahui bahawa karangan kitab itu diasaskan kepada al-Quran dan al-Hadis serta ijmak sahabat. Sekiranya ada di dalamnya yang menyalahi daripada itu maka janganlah saudara beramal daripadanya kerana asas hukum Islam itu adalah semata-mata kepada yang tersebut sedang Rasulullah (SAW) memberi peringatan bahawa kita tidak akan sesat selagi kita beramal dan berpandu kepada kitab Allah dan sunah Rasulnya. Dengan ini terang bahawa sepanjang yang ada tidak ada salahnya saudara beramal dan jika orang yang mengharamkan itu ada maka silalah beri hujah-hujahnya mengikut al-Quran dan al-Hadis untuk membetulkan apa yang telah ditulis oleh beliau itu.

* * *

KETERANGAN GAMBAR

KULIT BELAKANG

Pada 25 Disember 1956 yang lalu, dengan hidayah Allah ‘Azza wa Jalla dan taufiknya, 12 orang dari kaum Cina telah berbahagia memeluk agama Islam di Pekan Jinjang, sebuah pekan baharu berhampiran dengan bandar Kuala Lumpur.

Meraka memeluk Islam ialah dengan usaha saudara Khalil yang telah memeluk Islam setahun dahulu, (dalam gambar kelihatan bersongkok hitam dan berdiri di belakang Tuan Haji Fatah Akhir).

Tuan Haji Fatah Akhir telah mengajar mereka kalimah syahadah dalam suatu majlis yang dihadiri oleh Raja Osman Bin Raja Ali, penyelia masjid-masjid dalam negeri Selangor dan ahli-ahli jawatankuasa masjid Pekan Batu, Kuala Lumpur. Perkara memberi pelajaran kepada Saudara-saudara kita yang baharu ini, diserahkan Kepada jawatankuasa qariah masjid Pekan Batu.

Suatu jamuan teh bagi meraikan mereka telah diadakan pada 30 Disember 1956 di Sekolah Melayu Batu, dengan dihadiri lebih daripada 300 orang lelaki dan perempuan.

Keterangan gambar, dari kiri: Yunus, Muhammad, Idris, Yahya, Sulaiman, Harun, Haji Fatah Akhir, Abu Bakar, Ismail, Yaakob, Ali, Ahmad dan Ibrahim.